



International Teaching Aid **Competition 2023**

Reconnoitering Innovative Ideas in Postnormal Times



iTAC 2023
INTERNATIONAL TEACHING AID COMPETITION
E-PROCEEDINGS

Copyright © 2023 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors: *Syazliyati Ibrahim, Azni Syafena Andin Salamat, Berlian Nur Morat (Dr.), Najah Mokhtar, Noor Izzati Ahmad Shafai, Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli (Dr.)*

Cover Design : *Asrol Hasan*

Layout : *Nurina Anis Mohd Zamri*

eISBN : 978-967-2948-51-3

Published by : Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Mahmood, Fatin Aliyah Hassan, Ruhil Nadiah Abu Bakar

- | | | |
|-----|---|------------|
| 89. | CTU101 HAFAZAN INTERACTIVE MEMORIZATION (HIM) | 589 |
| | <i>Syaimak Ismail, Muhammad Saiful Islam, Aemy Aziz</i> | |
| 90. | MONEY PATROL: LEARNING FINANCIAL LITERACY THROUGH GAMES | 592 |
| | <i>Nur Adriana Syazwina Binti Ramdzan, Elly Elyana Binti Haizan, Nur Hijriah Binti Hanif Sapura, Zariq Nisa Nasuha Binti Kasmawi, Halimahton Borhan</i> | |
| 91. | i-SUFO AS TEACHING EVALUATION SYSTEM FOR LECTURER IN UITM PASIR GUDANG | 598 |
| | <i>Narita Binti Noh, Nurul Azida Abdul Razak, Doris Asmani Mat Yusof, Diana Che Lat, Mohammad Hazizi Jamal</i> | |
| 92. | HISTORY LEARNING WITH TIKTOK (HLTT) | 604 |
| | <i>Syaimak Ismail, Aemy Aziz, Muhammad Saiful Islam</i> | |
| 93. | PENGGUNAAN ‘ReForce-T.exe’ SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR BAGI TOPIK DAYA DALAM KURSUS SAINS KEJURUTERAAN | 608 |
| | <i>Azira Binti Daud, Mohd Rushdy Binti Yaacob, Hazriesyam Amir Bin Mustapha</i> | |
| 94. | EDUQUEST | 617 |
| | <i>Nur Haiza Alyssa Binti Abdul Wahab, Noraufa Binti Shariful Anuar, Fatin Sahira Binti Mat Rosli, Nurul Ain Binti Hasan @ Zulshamsul Haruni, Hassnah Wee</i> | |
| 95. | 3D AXIS HANDY KIT | 623 |
| | <i>Rafisah Binti Selamat, Ahmad Hamidi Firdaus Bin Mohd Amin, Mohd Fadli Bin Abdul Latif, Md Nazri Bin Mohamed</i> | |
| 96. | LOWER FORM GRADE SYSTEM (LF-GRADE SYS) | 630 |
| | <i>Norhanisha Yusof, Logineey A. Sanggar, Tiivashkkar Kalidason, Puvithra Saravanan</i> | |
| 97. | TOOLKIT PERJALANAN ABADI 3.0 | 636 |
| | <i>Zakiah binti Zuber, Dani Asmadi bin Ibrahim, Amal Hayati binti Jamali, Ahmad Nasir bin Mohd Daud</i> | |
| 98. | FINEDUPLAY: REVOLUTIONIZING FINANCIAL EDUCATION FOR YOUNG MINDS THROUGH GAMIFIED LEARNING | 643 |

PREFACE

iTAC or International Teaching Aid Competition 2023 was a venue for academicians, researchers, industries, junior and young inventors to showcase their innovative ideas not only in the teaching and learning sphere but also in other numerous disciplines of study. This competition was organised by the Special Interest Group, Public Interest Centre of Excellence (SIG PICE) UiTM Kedah Branch, Malaysia. Its main aim was to promote the production of innovative ideas among academicians, students and also the public at large.

In accordance with the theme "Reconnoitering Innovative Ideas in Post-normal Times", the development of novel ideas from the perspectives of interdisciplinary innovations is more compelling today, especially in the post-covid 19 times. Post-pandemic initiatives are the most relevant in the current world to adapt to new ways of doing things and all these surely require networking and collaboration. Rising to the occasion, iTAC 2023 has managed to attract more than 267 participations for all categories. The staggering number of submissions has proven the relevance of this competition to the academic world and beyond in urging the culture of innovating ideas.

iTAC 2023 committee would like to thank all creative participants for showcasing their innovative ideas with us. As expected in any competition, there will be those who win and those who lose. Congratulations to all the award recipients (Diamond, Gold, Silver and Bronze) for their winning entries. Those who did not make the cut this year can always improve and join us again later.

It is hoped that iTAC 2023 has been a worthy platform for all participating innovators who have shown ingenious efforts in their products and ideas. This compilation of extended abstracts published as iTAC 2023 E-Proceedings contains insights into what current researchers, both experienced and novice, find important and relevant in the post-normal times.

Best regards,

iTAC 2023 Committee

Special Interest Group, Public Interest Centre of Excellence (SIG PICE)

UiTM Kedah Branch

Malaysia

TOOLKIT PERJALANAN ABADI 3.0

Zakiah binti Zuber
Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
bm-0183@moe-dl.edu.my

Dani Asmadi bin Ibrahim
Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
bm-0087@moe-dl.edu.my

Amal Hayati binti Jamali
Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
bm-0063@moe-dl.edu.my

Ahmad Nasir bin Mohd Daud
Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
bm-0043@moe-dl.edu.my

ABSTRAK

Toolkit Perjalanan Abadi 3.0 merupakan aplikasi berkonsep pendidikan yang digunakan oleh para pelajar sebagai bahan rujukan pantas berkaitan dengan pengurusan jenazah, di Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan. Sasaran melibatkan 91 orang pelajar dimulakan dengan suatu tinjauan untuk mengenal pasti tahap pengalaman dan pengetahuan pelajar tentang pengurusan jenazah. Didapati walaupun 70% pelajar pernah mengikuti program pengurusan solat jenazah, hanya 30% sahaja pernah melaksanakan solat jenazah dan hanya 6% mempunyai pengetahuan baik dalam pengurusan jenazah. Objektif aplikasi ini dibangunkan untuk memudahkan pelajar dan para pengguna mendapat maklumat lengkap setiap peringkat pengurusan jenazah. Secara tidak langsung supaya lebih ramai individu dapat berperanan aktif sewaktu berlaku kematian. Melalui analisis soal selidik penggunaan toolkit ini didapati hampir 100% pelajar memberikan jawapan yang positif (setuju dan sangat setuju) bahawa aplikasi ini memudahkan pencarian maklumat, sangat berguna dan merupakan suatu produk yang inovatif. Mereka juga sangat bersetuju kandungan maklumat yang dipaparkan dapat meningkatkan pengetahuan dan amat sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi ini patut disimpan di dalam telefon bimbit setiap muslim. Kesimpulannya *Toolkit* Perjalanan Abadi 3.0 berjaya mencapai objektif pembangunannya.

Kata kunci: Pendidikan Islam, aplikasi pendidikan, pembelajaran abad ke-21, pengurusan jenazah

PENGENALAN

Pengurusan jenazah dalam Islam merupakan suatu tuntutan agama iaitu fardhu kifayah kepada setiap muslim. Kebiasaannya masyarakat menghadapi kesukaran untuk membuat tindakan jika berlaku kematian. Justeru, inovasi aplikasi *TOOLKIT PERJALANAN ABADI 3.0* (TPA 3.0) yang dibangunkan dapat memudahkan pengurusan jenazah dengan pantas. Masa juga dapat dijimatkan dengan mengikuti langkah-langkah yang disediakan di dalam aplikasi. Menurut Ng dan Komiya (2000), multimedia interaktif terbukti berkesan dalam membentuk serta mengekalkan maklumat untuk tempoh yang panjang dan ia boleh dicapai kembali dalam masa yang lebih pantas berbanding kaedah pengajaran tradisi. Kombinasi pelbagai media interaktif seperti teks, ilustrasi dan audio, dapat meningkatkan kefahaman dan kemudahan kepada pengguna. Keupayaan berfikir secara praktikal dapat dijana serta diterjemahkan idea dan teori kepada bentuk aplikasi dengan melaksanakannya dengan lebih sistematik. Menurut Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai dengan kognitif pelajar dapat memudahkan pembelajaran kendiri berdasarkan keperluan pembelajaran mereka. Pelajar dapat menggunakan kemahiran dalam pembelajaran mengikut norma sistem pendidikan semasa. Soal selidik dijalankan secara atas talian kepada 91 orang pelajar yang mengambil subjek Pendidikan Islam. Objektif aplikasi ini dibangunkan:

- i. Menentukan pengetahuan dan pengalaman pelajar berkaitan pengurusan jenazah.
- ii. Membangunkan suatu aplikasi dipanggil *Toolkit Perjalanan Abadi*.
- iii. Mengumpulkan pandangan pelajar terhadap penggunaan *toolkit*.
- iv. Meningkatkan kemahiran pelajar dan masyarakat amnya dalam mengaplikasikan teknologi.
- v. Melahirkan sifat tanggungjawab terhadap kepentingan pengurusan jenazah dalam memenuhi tuntutan fardhu kifayah.

Masalah dikenal pasti, tidak ramai yang mengetahui tatacara menguruskan jenazah. Maka, keperluan menyediakan aplikasi langkah pengurusan jenazah sangatlah membantu. 91 orang pelajar mengisi *google form* yang disediakan. Sebanyak 74% daripadanya adalah pelajar perempuan. Keputusan ditunjukkan dalam Jadual 1, hampir keseluruhan pelajar mengetahui hukum menyempurnakan solat jenazah adalah fardhu kifayah. 70% pelajar pernah mengikuti program pengurusan solat jenazah, walau bagaimanapun hampir setengah daripada pelajar tidak pernah melaksanakan solat jenazah. Kebanyakan yang pernah menyempurnakan solat jenazah ini tertumpu kepada keluarga sendiri. Didapati 6% pelajar sahaja yang mahir dalam menguruskan jenazah.

Jadual 1. Pengalaman dan Pengetahuan Pelajar Berkaitan Pengurusan Jenazah

No	ITEM SOAL SELIDIK	JAWAPAN	
1	Jantina	Lelaki 26%	Perempuan 74%
2	Apakah hukum menyempurnakan	Fardhu Ain	Fardhu Kifayah

	solat jenazah	5%	95%
3	Adakah anda pernah mengikuti Program Pengurusan Solat Jenazah?	Pernah 70%	Tidak Pernah 30%
4	Adakah anda pernah melaksanakan solat jenazah?	Pernah 47%	Tidak Pernah 53%
5	Sekiranya pernah saya pernah Solat jenazah untuk..	Tidak Pernah 53%	Keluarga 30% Orang Awam 17%
6	Adakah anda mahir dalam menguruskan jenazah	Tidak Mahir 41%	Kurang Mahir 53% Mahir 6%

METOD

Novelti dan Inovasi yang Dijalankan

Aplikasi ini mesra pelanggan bagi mendapatkan panduan berkaitan pengurusan jenazah. Pada asasnya ia merupakan suatu fail lengkap dengan pautan kepada enam fail berkaitan:

- i. Tindakan awal sebaik sahaja berlaku kematian.
- ii. Prosedur berkaitan pengurusan jenazah.
- iii. Kaedah memandikan dan mengkafarkan jenazah.
- iv. Cara melakukan solat jenazah.
- v. Maklumat berkaitan pengebumian jenazah.
- vi. Urusan penting yang wajib waris tunaikan selepas urusan pengebumian.

Toolkit ini juga menyediakan pelbagai pautan multimedia tambahan berkaitan pengurusan jenazah yang boleh diakses dengan menyentuh ikon-ikon yang dipaparkan. Dilengkapkan juga dengan Manual Pengguna untuk mengetahui panduan maklumat yang terdapat dalam paparan. Pengguna boleh mengakses *Toolkit* Perjalanan Abadi 3.0 dengan menggunakan peranti mudah alih (telefon pintar atau *tablet*).



Rajah 1. Paparan Aplikasi *Toolkit* Perjalanan Abadi 3.0

Susun atur fungsi aplikasi ini disusun mengikut aturan pengurusan jenazah bagi memudahkan pencarian maklumat. Terdapat 15 ikon pada paparan, apabila disentuh, akan terpapar maklumat yang bersesuaian dengan ikon tersebut. *Toolkit* Perjalanan Abadi telah mendapat hakcipta terpelihara daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) **LY2020001836**.

Penambahbaikan *Toolkit* Perjalanan Abadi 3.0

Penambahbaikan yang dilaksanakan bagi meningkatkan mutu kandungan serta kualiti aplikasi TPA 3.0, dengan menyediakan soalan objektif berbentuk permainan (*wordwall*) bagi menarik minat pelajar selain dari soalan *google form* yang sedia ada. Selain dari itu, penambahan maklumat **URUSAN WARIS** yang wajib disempurnakan selepas selesai urusan pengebumian jenazah.

DAPATAN SOAL SELIDIK

Pandangan pelajar terhadap TPA 3.0 ditentukan dengan menggunakan soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian soal selidik skala likert dengan sembilan soalan dan bahagian soalan terbuka untuk mengumpul pandangan bertulis pelajar. Rumusan keputusan diperolehi ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 2. Keputusan Soal Selidik Penggunaan *Toolkit* Perjalanan Abadi 3.0

Bil	Pernyataan	1 sangat tidak setuju	2 tidak setuju	3 setuju	4 sangat setuju	% setuju
		0	0	13	87	100
1	Susunan paparan menu memudahkan pencarian maklumat	0	0	13	87	100
2	Aplikasi ini menarik untuk digunakan.	0	1	11	88	99
3	Kandungan yang disampaikan mudah difahami.	0	1	18	81	99
4	Aplikasi ini menjimatkan masa.	0	0	15	85	100
5	Aplikasi ini merupakan suatu produk yang inovatif.	0	0	12	88	100
6	Aplikasi ini mampu meningkatkan pengetahuan pengguna berkaitan pengurusan jenazah.	0	0	11	89	100
7	Aplikasi ini patut disimpan dalam telefon pintar setiap ahli kariah surau/masjid.	0	1	11	88	99
8	Aplikasi ini patut disimpan oleh setiap individu.	0	0	13	87	100
9	Aplikasi ini bersifat mesra pengguna.	0	1	14	85	99
10	Aplikasi ini sesuai untuk dijadikan sebagai media pengajaran dan pembelajaran.	0	0	10	90	100

Analisis soal selidik penggunaan *toolkit* ini mendapati hampir keseluruhan pelajar memberikan jawapan yang positif (setuju dan sangat setuju) bahawa aplikasi ini memudahkan pencarian maklumat, sangat berguna dan merupakan suatu produk yang inovatif. Mereka juga sangat bersetuju kandungan maklumat yang dipaparkan dapat meningkatkan pengetahuan dan amat sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran. Malahan aplikasi ini patut disimpan di dalam telefon bimbit setiap inividu.

Berdasarkan soal selidik yang diterima hanya 45 daripada 91 pelajar mengisi ruang komen terbuka. secara umumnya pelajar-pelajar memberikan komen positif berkaitan penggunaan *Toolkit Perjalanan Abadi*. 16 pelajar menyatakan secara jelas bahawa *toolkit* in adalah baik atau bagus. Pelajar berpandangan aplikasi ini berguna dan memudahkan seperti dinyatakan dalam 16 komen yang lain. Lapan komen lain pelajar menyatakan aplikasi ini adalah menarik manakala komen-komen selebihnya memberi cadangan penambahbaikan. Contoh-contoh komen pelajar adalah seperti berikut:

“Amat berguna untuk pelajar dan orang awam kerana penjelasan serta huraiyan yang lebih jelas serta rujukan yang baik”

“Aplikasi yang sangat berguna, dihasilkan dengan penuh kreatif dan inovatif”

“Apps ini sangat berguna untuk dijadikan rujukan”

“Sangat membantu dalam menguruskan jenazah sesama islam”

“*Toolkit* ini sangat membantu saya untuk mencari maklumat tentang pengurusan jenazah dengan mudah dan tepat”

Pelajar mengaplikasikan TPA 3.0 dengan menggunakan telefon mudah alih setelah diberi penerangan oleh pensyarah.



Rajah 2. Perkongsian Pensyarah Bersama Pelajar di Dalam Kelas Semasa Sesi PdP

IMPAK INOVASI

- i. Menyumbang kepada peningkatan kualiti inovasi sosial kepada pelanggan.
- ii. Menambah pengetahuan pengurusan jenazah.
- iii. Memudahkan dan melancarkan pengurusan jenazah.
- iv. Menjimatkan kos dan masa para pengguna.
- v. Mempraktikkan e-pembelajaran berteraskan ICT kepada pelajar dan para pengguna.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, aplikasi ini telah berjaya dibangunkan berdasarkan kepada kajian yang dijalankan. Pembinaan aplikasi ini meningkatkan kesedaran dan kemahiran pelajar serta masyarakat umum berkaitan teknologi. Namun, matlamat yang lebih utama adalah melahirkan sifat tanggungjawab masyarakat terhadap kepentingan pengurusan jenazah dalam memenuhi tuntutan fardhu kifayah.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Pengarah Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan atas sokongan

beliau dan Dr. Hj Muhammad bin Nordin, Ketua Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Pendidikan Teknik, sebagai penilai aplikasi dan bahan.

SUMBER RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (pnyt.). (2010). ‘Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam’. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ng, K. H. & Komiya, R. (2000). ‘Introduction of Intelligent Interface to virtual learning environment’. *Paper presented at the Multimedia University International Symposium on Information and Communication Technologies 2000. (M2USIC' 2000)*. October 5-6 2000, Petaling Jaya Malaysia.

Nur Syarafina Abdul Rahman, Zainal Fitri Mohd Zolkifli, Ying Leh Ling. ‘Kepentingan Kemudahan Teknologi dan Motivasi Membentuk Kesedaran Pelajar dalam Pembelajaran Digital’. October 2020. *Conference: National Research Innovation Conference (NRICon 2020)* Kuching, Sarawak.

Panduan Pengurusan Jenazah - <http://www.epusara.jawi.gov.my/epusara/webV5/content/19>




e-proceedings

International Teaching Aid
Competition 2023

Reconnoitering Innovative Ideas in Postnormal Times

iTAC 2023

e ISBN 978-967-2948-51-3



9 789672 948513